



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN
TEKS CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 427

AKTA PERINDUSTRIAN NANAS 1957

Sebagaimana pada 1 Februari 2013

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *Pineapple Industry Act 1957* sebagaimana disemak dalam tahun 1990. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

AKTA PERINDUSTRIAN NANAS 1957

Pertama kali diperbuat	1957 (Ordinan No. 13 tahun 1957)
Disemak	1990 (Akta 427 m.b.p 31 Mac 1990)

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 427

AKTA PERINDUSTRIAN NANAS 1957

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Penubuhan Lembaga
4. Pengerusi
5. Tatacara Lembaga
6. Liabiliti anggota-anggota
7. Penubuhan Kumpulan Wang dan fungsi lain Lembaga
8. Pengenaan dan pungutan ses
- 8A. Kuasa untuk meminjam
- 8B. Kuasa untuk melabur
9. Kuasa Lembaga untuk menghendaki maklumat
10. Pelantikan pegawai dan pekhidmat
- 10A. Tugas ketua pegawai eksekutif
- 10B. Peraturan-peraturan mengawal kelakuan dan tatatertib pegawai dan pekhidmat
11. Pendaftaran
12. Penolakan pendaftaran
13. Penyerahhakan dan pemindahan perakuan
14. Kesalahan

Seksyen

15. Kuasa mengeledah
16. Menandakan tin
17. Kesalahan dan liabiliti bagi perbuatan ejen atau pengkhidmat
18. Bidang kuasa
19. Pengiktirafan persatuan
20. Pembentukan suatu inspektorat
21. Kuasa inspektor
22. Perlantikan jawatankuasa
- 22A. Pekhidmat awam
23. Pembatalan pendaftaran
24. Tribunal Rayuan
25. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
26. Pemansuhan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 427

AKTA PERINDUSTRIAN NANAS 1957

Suatu Akta berhubungan dengan pengawalseliaan dan pemajuan industri nanas dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya.

[26 December 1957, L.N. (NS)117/1957]

Tajuk ringkas

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perindustrian Nanas 1957.
- (2) (*Ditinggalkan*).

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“inspektor” ertinya seseorang inspektor yang dilantik di bawah seksyen 20 dan termasuk Ketua Inspektor;

“ketua pegawai eksekutif” ertinya ketua pegawai eksekutif Lembaga yang dilantik di bawah subseksyen 10 (1) dan termasuk mana-mana orang yang dilantik untuk bertindak sebagai ketua pegawai eksekutif di bawah seksyen 10;

“kilang mengetin” ertinya mana-mana struktur atau bangunan yang digunakan sepenuhnya atau sebahagiannya untuk menyediakan nanas atau untuk melabelkan nanas bertin;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Perindustrian Nanas yang ditubuhkan di bawah seksyen 7;

“Lembaga” ertinya Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“menyediakan nanas” ertinya menyebabkan nanas menjadi nanas bertin;

“nanas” ertinya apa-apa buah daripada tumbuhan ananas;

“nanas bertin” ertinya nanas keseluruhannya, dipotong, diperah, atau dalam bentuk palpa atau jus (sama ada atau tidak dicampur dengan buah lain), yang telah dipanaskan dahulu, dimasak, dijeruk, dikeringkan, disejuk beku segera atau selainnya diproses sama ada sebelum atau selepas diletakkan dalam suatu tin;

“pekebun” ertinya mana-mana orang yang mempunyai atau menggunakan tanah bagi menanam nanas yang bertujuan terutamanya bagi jualan kepada kilang mengetin yang bukan pada masa yang sama pemunya mana-mana kilang mengetin di *Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia dan termasuk ejennya yang diberi kuasa sewajarnya;

“pembekal tin” ertinya seseorang pengilang atau pengimport tin yang digunakan atau bertujuan digunakan bagi pengetinan nanas;

“pengangkut” ertinya mana-mana orang yang mengangkut nanas pekebun atau penjual, dan termasuk ejennya yang diberi kuasa sewajarnya, tetapi tidak termasuk seseorang pekebun yang mengangkut nanasnya sendiri;

“pengekspor” ertinya mana-mana orang yang mengeksport nanas bertin dari Malaysia;

“pengetin” ertinya seseorang yang menyediakan nanas atau melabelkan nanas bertin;

*CATATAN—Semua sebutan mengenai “Malaysia Barat” hendaklah ditafsirkan sebagai “Semenanjung Malaysia”—lihat Akta Tafsiran (Pindaan) 1997 [Akta A996], subseksyen 5(2).

“pengetin berdaftar”, “kilang mengetin berdaftar”, “pembekal tin berdaftar”, “pertubuhan pemasaran berdaftar”, “pengeksporth berdaftar”, “pekebun berdaftar”, “pengangkut berdaftar”, “penjual berdaftar” ertinya mana-mana pengetin, kilang mengetin, pembekal tin, pertubuhan pemasaran, pengeksporth, pekebun, pengangkut atau penjual nanas, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang didaftarkan di bawah Akta ini;

“penjual” ertinya mana-mana orang yang menjual nanas kepada kilang mengetin, tetapi tidak termasuk seseorang pekebun yang menjual nanasnya sendiri;

“persatuan perwakilan” ertinya sesuatu persatuan perwakilan yang ditetapkan di bawah seksyen 19;

“pertubuhan pemasaran” ertinya mana-mana pertubuhan koperasi pemasaran nanas yang didaftarkan sebagai demikian di bawah *Akta Pertubuhan Koperasi 1948 [*Akta 287*];

“tin” termasuk apa-apa botol atau kontena yang dimeteraikan secara hermetik yang dibuat daripada kaca, logam, plastik, kertas atau apa-apa bahan lain;

“Tribunal” ertinya Tribunal Rayuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 24.

Penubuhan Lembaga

3. (1) Bagi maksud Akta ini maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Lembaga yang hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia” dan yang hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas nama perbadanannya. Lembaga hendaklah mempunyai suatu pejabat di dalam Malaysia.

*CATATAN—Akta Pertubuhan Koperasi 1948 [*Akta 287*] telah dimansuhkan oleh Akta Pertubuhan Koperasi 1993 [*Akta 502*]*—lihat* seksyen 95 bagi Akta 502.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang wakil dari Kementerian yang bertanggungjawab bagi industri nanas;
- (c) seorang wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian;
- (d) seorang wakil dari Perbendaharaan;
- (e) seorang wakil dari mana-mana Kementerian lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri bagi Kementerian itu;
- (f) dua orang untuk mewakili kepentingan pengetin berdaftar yang dinamakan oleh persatuan perwakilan bagi sektor pengetinan bagi industri nanas;
- (g) dua orang untuk mewakili kepentingan pekebun; dan
- (h) Pengarah Pertanian Negeri, Johor.

(3) (a) Menteri boleh, berkenaan dengan setiap anggota Lembaga selain Pengerusi, melantik seorang anggota silih ganti yang boleh menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga yang anggota itu, oleh kerana apa-apa sebab, tidak dapat menghadirinya.

(b) Apabila menghadiri sesuatu mesyuarat Lembaga, seseorang anggota silih ganti hendaklah, bagi segala maksud, disifatkan sebagai seorang anggota Lembaga.

(4) *(Dimansuhkan oleh Akta A693).*

(5) Tiap-tiap anggota Lembaga, selain orang yang dilantik di bawah subseksyen (2)(h), hendaklah, melainkan jika pelantikannya adalah terlebih dahulu dibatalkan atau dia terlebih dahulu meletakkan jawatan, memegang jawatan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dalam surat pelantikannya atau, jika tiada tempoh sedemikian dinyatakan, bagi

suatu tempoh dua tahun dari tarikh pelantikannya, dan adalah layak untuk dilantik semula.

(5A) Tiap-tiap anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan atau pelantikannya adalah terlebih dahulu dibatalkan, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang berkenaan dengannya dia adalah anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Lembaga.

(6) Mana-mana anggota Lembaga yang tanpa sebab munasabah tidak hadir daripada dua mesyuarat biasa atau khas Lembaga secara berturut-turut dan mana-mana anggota yang telah didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal atau telah menjadi bankrap atau membuat suatu perkiraan dengan pemiutangnya atau telah dihukum penjara hendaklah disifatkan sebagai telah mengosongkan jawatannya dan pelantiknya hendaklah diberitahu dengan sewajarnya.

(7) Jika apa-apa kekosongan berlaku oleh kerana kematian, perletakan jawatan, ketidakhadiran, ketidaksiuman, kebangkrapan, pemenjaraan atau selainnya, pelantik boleh melantik seseorang untuk mengisi mana-mana kekosongan tersebut dan mana-mana orang yang dilantik sedemikian hendaklah memegang jawatan hanya selama mana orang yang pada tempatnya dia dilantik itu akan memegang jawatan.

(8) Pelantikan tiap-tiap anggota dan anggota silih ganti Lembaga hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Pengerusi

4. (1) Pengerusi Lembaga hendaklah diambil khidmat atas apa-apa syarat dan terma perkhidmatan, dan hendaklah menerima apa-apa gaji, elaun perjalanan dan elaun sara diri sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 25, dan gaji dan elaun sedemikian hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Semasa ketidakhadiran Pengerusi oleh kerana apa-apa sebab anggota Lembaga hendaklah memilih seorang pemangku pengerusi yang, semasa ketidakhadiran Pengerusi, hendaklah mempunyai dan menjalankan semua kuasa Pengerusi.

Tatacara Lembaga

5. (1) Pada mana-mana mesyuarat Lembaga empat orang anggota yang hadir adalah membentuk kuorum bagi menjalankan urusan.

(2) Kuasa Lembaga tidak tersentuh oleh apa-apa kekosongan dalam keanggotaannya.

(3) Sesuatu keputusan majoriti anggota Lembaga yang hadir dan mengundi pada sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah disifatkan sebagai suatu keputusan Lembaga.

(4) Pengerusi hendaklah mempunyai suatu undi sebagai seorang anggota dan sekiranya terdapat kesamarataan undi dia hendaklah mempunyai dan menjalankan suatu undi pemutus.

(5) Atas permintaan mana-mana anggota undi atas apa-apa perkara di hadapan Lembaga hendaklah diambil melalui ballot.

Liabiliti anggota

6. Tiada seorang pun anggota Lembaga adalah menanggung apa-apa liabiliti diri bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan dalam pentadbiran hal-ehwal Lembaga melainkan jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh suatu perbuatan atau peninggalan salah yang sengaja pada pihaknya.

Penubuhan Kumpulan Wang dan fungsi lain Lembaga

7. (1) Lembaga hendaklah menubuhkan dan mentadbirkan suatu kumpulan wang yang dipanggil “Kumpulan Wang Perindustrian Nanas” dan boleh memperoleh dan memegang harta, alih atau tak alih, dan boleh memindahkan atau selainnya memperlakukannya, dan boleh membuat kontrak dan melakukan segala perkara yang perlu bagi atau bersampingan dengan maksud Akta ini.

(2) (a) Maka hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang—

- (i) hasil mana-mana ses sebagaimana yang disebut dalam seksyen 8;
 - (ii) semua wang kepunyaan Lembaga;
 - (iii) apa-apa wang sebagaimana yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Parlimen untuk digunakan bagi apa-apa maksud atau maksud-maksud sebagaimana yang dinyatakan oleh Parlimen;
 - (iv) semua wang, termasuk fi pendaftaran, yang dipungut di bawah kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
 - (v) semua wang yang dipinjam oleh Lembaga di bawah seksyen 8A;
 - (vi) semua wang yang diperoleh atau berbangkit daripada apa-apa pelaburan di bawah seksyen 8B atau daripada apa-apa harta yang diperoleh oleh atau terletak hak pada Lembaga; dan
 - (vii) semua wang lain yang mengikut apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsinya.
- (b) Kumpulan Wang boleh digunakan bagi apa-apa maksud yang termasuk dalam tujuan Akta ini mengikut apa-apa cara sebagaimana yang hendaklah ditentukan oleh Lembaga dan bagi pemberian pinjaman kepada pekerjanya bagi maksud membeli atau membina rumah kediaman atau membeli kenderaan atas terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 25.
- (3) Fungsi Lembaga hendaklah termasuk—
- (a) pembiayaan program agronomi dan memproseskan program penyelidikan bagi industri itu;

- (b) perundingan perjanjian mengenai harga dan gred nanas bagi jualan kepada kilang mengetin;
- (c) pengawalseliaan tentang pengeluaran, penggredan dan pemasaran nanas bagi jualan kepada kilang mengetin dan tentang nanas bertin;
- (d) pentadbiran kawalan kualiti dan peraturan-peraturan kesihatan;
- (e) pentadbiran suatu kumpulan wang ses dan membuat syor berkenaan dengan kadar ses;
- (f) pengumpulan statistik dan penyenggaraan rekod statistik industri itu;
- (g) pemberian bantuan kewangan, sama ada dengan cara subsidi atau selainnya, kepada industri itu secara keseluruhannya atau mana-mana seksyen daripadanya;
- (h) apa-apa perkara lain yang menyentuh industri itu.

(4) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai berkenaan dengan Lembaga.

(5) Akaun Lembaga hendaklah tertakluk kepada pengauditan oleh seseorang juruaudit yang diluluskan oleh Menteri.

(6) Meterai perbadanan Lembaga boleh melalui ketetapan Lembaga dicapkan kepada apa-apa surat cara di hadapan Pengerusi dan dua orang anggota lain Lembaga, yang kesemuanya hendaklah menandatangani nama-nama mereka pada surat cara itu.

(7) Empat mesyuarat biasa Lembaga hendaklah diadakan setiap tahun. Semua mesyuarat lain adalah mesyuarat khas dan boleh dipanggil pada bila-bila masa oleh Pengerusi atau pemangku Pengerusi dan hendaklah dipanggil atas permintaan mana-mana anggota.

Pengenaan dan pungutan ses

8. (1) Menteri selepas berunding dengan Lembaga boleh bagi maksud Akta ini membuat perintah bagi pengenaan, pungutan, ubahan atau pembatalan sesuatu ses atau ses-ses ke atas pengeksporan nanas bertin.

(2) Apa-apa perintah yang mengenakan sesuatu ses yang dibuat di bawah Ordinan Perindustrian Nanas 1951 [*Ord. 36 tahun 1951*], dan berkuat kuasa pada tarikh mula berkuatkuasanya seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen terdahulu itu.

Kuasa untuk meminjam

8A. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, meminjam wang bagi maksud menjalankan fungsinya.

Kuasa untuk melabur

8B. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, dari semasa ke semasa, melaburkan Kumpulan Wang atau mana-mana bahagiannya, yang tidak dikehendaki dengan serta-merta bagi menjelaskan obligasinya atau menjalankan fungsinya—

- (a) dalam mana-mana pelaburan atau sekuriti yang dibenarkan bagi pelaburan kumpulan wang amanah oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa; atau
- (b) dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Kuasa Lembaga untuk menghendaki maklumat

9. Lembaga boleh menghendaki mana-mana orang supaya mengemukakan apa-apa maklumat yang, pada pendapatnya, adalah perlu sebelum apa-apa pembahagian dibuat daripada Kumpulan

Wang di bawah Akta ini; dan mana-mana orang yang membuat permohonan bagi bantuan daripada Kumpulan Wang yang dengan sengaja atau tanpa sebab munasabah gagal memberi maklumat sedemikian kepada Lembaga atau yang memberi apa-apa maklumat yang dia mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu dalam apa-apa butir material melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

Pelantikan pegawai dan pekhidmat

10. (1) Lembaga boleh melantik seorang ketua pegawai eksekutif yang boleh ditetapkan dengan apa-apa nama jawatan dan sekian pegawai dan pekhidmat lain sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud menunaikan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Pelantikan ketua pegawai eksekutif hendaklah dengan kelulusan Menteri.

(3) Jika ketua pegawai eksekutif adalah oleh kerana apa-apa sebab tidak dapat menjalankan kuasa dan melaksanakan tugas jawatannya, Lembaga boleh melantik mana-mana orang lain untuk bertindak sebagai ketua pegawai eksekutif:

Dengan syarat bahawa keizinan Menteri hendaklah didapatkan jika perwakilan itu melebihi atau berkemungkinan melebihi suatu tempoh tiga bulan terus-menerus.

(4) Pelantikan ketua pegawai eksekutif hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(5) Lembaga hendaklah mendapatkan kelulusan Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum menubuhkan atau mengubah suai mana-mana skim perkhidmatan bagi ketua pegawai eksekutif dan pegawai dan pekhidmatnya yang lain, termasuk terma dan syarat perkhidmatan, gaji, elaun dan saraan lain yang kena dibayar, dan kemudahan bagi pinjaman bagi pembelian kenderaan.

Tugas ketua pegawai eksekutif

10A. (1) Ketua pegawai eksekutif hendaklah—

- (a) bertanggungjawab bagi mengadakan pelaksanaan keputusan polisi Lembaga dan bagi pentadbiran am hal-ehwalnya;
- (b) menjalankan penyeliaan dan kawalan ke atas semua pegawai dan pekhidmat Lembaga; dan
- (c) melaksanakan apa-apa tugas dan mengusahakan apa-apa tanggungjawab lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa atau sebagaimana yang diarahkan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.

(2) Ketua pegawai eksekutif hendaklah hadir pada tiap-tiap mesyuarat Lembaga melainkan jika dia dibebaskan daripada berbuat demikian oleh Pengerusi.

(3) Ketua pegawai eksekutif tidak mempunyai hak untuk mengundi pada mesyuarat Lembaga.

Peraturan-peraturan mengawal kelakuan dan tata tertib pegawai dan pekhidmat

10B. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan mengawal kelakuan dan tata tertib pegawai dan pekhidmat termasuk peruntukan bagi surcaj.

Pendaftaran

11. Lembaga hendaklah—

- (a) menyebabkan disimpan suatu daftar pekebun, pengetin, kilang mengetin, pengeksport, pembekal tin, pertubuhan pemasaran, pengangkut dan penjual mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga;

- (b) memberikan setiap pekebun, pengetin, pengeksport, pembekal tin, pertubuhan pemasaran, pengangkut atau penjual, mengikut mana-mana yang berkenaan, apabila didaftarkan sewajarnya, suatu perakuan pendaftaran dalam borang yang ditetapkan;
- (c) mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran yang berasingan berkenaan dengan setiap kilang mengetin yang di dalamnya seseorang pengetin berdaftar adalah dibenarkan untuk menyediakan nanas.

Penolakan pendaftaran

12. Lembaga boleh menolak untuk membuat apa-apa pendaftaran—

- (a) jika ia berpendapat bahawa pemohon itu tidak akan dapat mematuhi atau memenuhi mana-mana standard atau syarat yang ditetapkan;
- (b) jika permohonan itu dibuat oleh atau bagi pihak seseorang yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah seksyen 23.

Penyerahhakan dan pemindahan perakuan

13. Perakuan pendaftaran yang diberikan di bawah seksyen 11 tidak boleh diserahkan atau dipindahkan.

Kesalahan

14. (1) Tiada seorang pun boleh menyediakan nanas atau melabelkan apa-apa nanas bertin kecuali di dalam sesuatu kilang mengetin berdaftar.

(2) Tiada seorang pun selain seseorang pembekal tin berdaftar boleh membuat, membentuk semula atau mengimport apa-apa tin bagi pengetinan nanas.

(3) Tiada seorang pun selain seseorang pengeksport berdaftar boleh mengeksport nanas bertin.

(4) Tanpa kelulusan bertulis daripada Lembaga, tiada seorang pun pengetin berdaftar boleh menyetujui terima nanas daripada mana-mana orang selain seseorang pekebun berdaftar atau seseorang penjual berdaftar.

(4A) Tiada seorang pun pekebun berdaftar boleh menjual nanas kecuali kepada seseorang penjual berdaftar atau seseorang pengetin berdaftar.

(4B) Tiada seorang pun penjual berdaftar boleh membeli nanas kecuali daripada seseorang pekebun berdaftar.

(5) Mana-mana orang yang bertindak melanggar dengan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Kuasa menggeledah

15. Jika seseorang Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret berpuas hati atas keterangan dengan sumpah atau ikrar bahawa terdapat sebab munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana tempat dalam bidang kuasanya, sama ada suatu bangunan atau pun tidak, selain di suatu kilang mengetin berdaftar, digunakan untuk menyediakan nanas atau melabelkan nanas bertin dia boleh memberikan suatu waran geledah yang memberi kuasa mana-mana pegawai polis pada bila-bila masa atau masa-masa dalam tempoh satu bulan dari tarikhnya untuk memasuki, dengan apa-apa bantuan sebagaimana yang dikehendaki, dan jika perlu dengan kekerasan, tempat itu dan tiap-tiap bahagiannya dan memeriksanya dan menggeledah untuk mencari di dalamnya dan menyita dan mengalihkan darinya dan membawa ke hadapan seseorang Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret apa-apa loji, mesin atau alat yang digunakan atau bertujuan untuk digunakan atau yang terdapat alasan munasabah untuk menyangka adalah di dalam tempat itu bagi maksud menyediakan nanas atau melabelkan nanas bertin dengan menyalahi undang-undang.

Menandakan tin

16. (1) Tiap-tiap pengetin berdaftar hendaklah mendaftarkan dengan Lembaga apa-apa tanda atau tanda-tanda sebagaimana yang

diluluskan oleh Lembaga bagi penggunaannya sebagai tanda atau tanda-tanda pengenalan bagi keluaran setiap atau kesemua kilang mengetin berdaftar yang berkenaan dengannya dia telah dikeluarkan dengan suatu perakuan.

(2) Tiada tanda sedemikian boleh didaftarkan bagi penggunaan oleh lebih daripada seorang pengetin berdaftar.

(3) Lembaga boleh membatalkan pendaftaran tanda atau tanda-tanda seseorang pengetin berdaftar jika perakuan pendaftaran pengetin berdaftar itu telah dibatalkan mengikut seksyen 23.

(4) Selepas pendaftaran sesuatu tanda atau tanda-tanda di bawah subseksyen (1) pengetin berdaftar hendaklah menyebabkan tanda atau tanda-tanda sedemikian dicetak timbul atau dicap lekat mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan atas setiap tin yang mengandungi nanas bertin yang disediakan dalam setiap kilang mengetin berdaftar yang baginya tanda atau tanda-tanda itu telah diluluskan dan juga atas bungkusan yang di dalamnya tin-tin itu terkandung.

(5) Tiada seorang pun boleh mengeksport apa-apa tin yang mengandungi nanas bertin atau apa-apa bungkusan yang mengandungi sedemikian melainkan jika—

(a) ia telah ditandakan mengikut subseksyen (4); dan

(b) suatu perakuan dalam borang sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga bahawa ia telah ditandakan sedemikian telah diserahkan dengan pihak berkuasa kastam yang berkenaan.

(6) Mana-mana orang yang bertindak melanggar dengan subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

Kesalahan dan liabiliti bagi perbuatan ejen atau pekhidmat

17. (1) Jika apa-apa kesalahan terhadap Akta ini dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan dan dibuktikan telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau boleh dikaitkan dengan apa-apa kecuaiian atas pihak, mana-mana pengarah, pengurus,

setiausaha atau pegawai lain pertubuhan perbadanan itu, maka pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain itu, berserta dengan pertubuhan perbadanan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu, dan boleh dihukum mengikut Akta ini.

(2) Apabila jua mana-mana ejen atau pekhidmat dalam masa pekerjaannya melakukan atau meninggalkan daripada melakukan sesuatu perbuatan, yang pelakuannya atau peninggalannya oleh prinsipal atau majikannya adalah suatu kesalahan, terhadap Akta ini, ejen atau pekhidmat itu hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu, dan prinsipal atau majikannya dan mana-mana orang yang pada masa perbuatan atau peninggalan itu adalah bertanggungjawab bagi urusan yang berkenaan dengannya perbuatan atau peninggalan itu berlaku adalah juga bersalah atas kesalahan itu melainkan jika prinsipal atau majikan atau orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, membuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa dia telah mengambil segala langkah dan tindakan berhati-hati yang munasabah untuk menghalang perbuatan atau peninggalan itu.

Bidang kuasa

18. Sesuatu Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan menentukan semua pendakwaan bagi kesalahan terhadap seksyen 9, 14, 16, 19 dan 21 sesuatu Mahkamah Sesyen hendaklah walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan penalti atau hukuman penuh yang diperuntukkan oleh atau di bawah Akta ini.

Pengiktirafan persatuan

19. (1) Lembaga boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* menetapkan satu persatuan setiap satunya untuk mewakili cawangan pengetinan, pembekalan tin, pemasaran buah dan pengeksportan masing-masingnya bagi industri nanas dan setiap persatuan sedemikian hendaklah dengan itu dan selagi pemberitahuan yang merujuk kepadanya masih berkuat kuasa disifatkan sebagai suatu persatuan perwakilan bagi maksud Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya:

Dengan syarat bahawa tiada persatuan boleh ditetapkan sebagai suatu persatuan perwakilan seperti yang disebut terdahulu atau, setelah ditetapkan sedemikian, terus menjadi suatu persatuan perwakilan melainkan jika—

(a) kaedah-kaedahnya telah diluluskan oleh Lembaga;

(b) kaedah-kaedahnya—

- (i) tidak mengandungi apa-apa jua yang boleh ditafsirkan sebagai menghalang penerimaan masuk sebagai seorang anggota mana-mana orang yang persatuan itu bertujuan untuk mewakili;
- (ii) tidak mengandungi apa-apa jua yang menjejaskan kepentingan am industri itu;
- (iii) memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang memohon bagi penerimaan masuk sebagai seorang anggota dan mengaku janji untuk mematuhi kaedah-kaedah persatuan itu, hendaklah diterima masuk sebagai seorang anggotanya.

(2) Mana-mana persatuan yang ditetapkan melalui pemberitahuan dalam *Warta* sebagai mewakili cawangan pengetinan bagi industri nanas di bawah Ordinan Perindustrian Nanas 1951, hendaklah disifatkan sebagai suatu persatuan perwakilan bagi cawangan pengetinan bagi industri nanas di bawah Akta ini.

(3) Mana-mana persatuan yang disifatkan sebagai suatu persatuan perwakilan di bawah seksyen ini yang kemudiannya membuat apa-apa perubahan dalam perkara-perkara, dalam kaedah-kaedah, atau dalam syarat yang menyentuh keanggotaan persatuan itu, hendaklah dalam masa empat belas hari menyerah simpan dengan Lembaga suatu salinan bertulis tentang perubahan itu; dan kegagalan untuk mematuhi subseksyen ini adalah menjadi suatu kesalahan terhadap Akta ini yang boleh dihukum atas sabitan dengan denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit.

Pembentukan suatu inspektorat

20. Lembaga boleh melantik seorang Ketua Inspektor dan sekian inspektor lain sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya yang hendaklah mempunyai dan menjalankan kuasa dan tugas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 21.

Kuasa inspektor

21. (1) Mana-mana inspektor, yang boleh disertai oleh mana-mana orang atau orang-orang yang difikirkannya perlu, boleh memasuki mana-mana kilang mengetin berdaftar, mana-mana premis seseorang penjual berdaftar atau seseorang pengangkut berdaftar atau mana-mana tempat di mana dia mempunyai sebab untuk mempercayai nanas sedang ditanam dan boleh menggeledah padanya dan menyita, mengambil sampel atau fotograf mana-mana barang dalam premis atau tempat itu sebagaimana yang semunasabahnya perlu sebagai keterangan berkaitan dengan apa-apa pelanggaran Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Mana-mana inspektor boleh menghendaki mana-mana pengetin berdaftar untuk membuka apa-apa bungkusan dan boleh mengalihkan dari mana-mana kilang mengetin berdaftar apa-apa tin yang mengandungi, berupa atau disyaki mengandungi nanas bertin dan tidak bertanggung bagi apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dalam membuka atau menutup semula bekas atau bungkusan bagi pemeriksaan atau bagi apa-apa kerugian, kehilangan, kerosakan atau kelengahan yang disebabkan olehnya.

(3) Inspektor itu hendaklah mengakui secara bertulis penerimaan semua sampel yang diambil olehnya bagi pemeriksaan dan Lembaga hendaklah, jika diminta berbuat demikian, membayar bagi sampel itu pada harga pasaran sebagaimana yang diberitahu oleh persatuan perwakilan bagi cawangan pengetinan bagi industri nanas:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidaklah terpakai bagi sampel rutin sebagaimana yang seseorang inspektor berhak mengambil tanpa bayaran di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Tiap-tiap orang yang didaftarkan sewajarnya di bawah Akta ini hendaklah, atas permintaan oleh Ketua Inspektor, mengemukakan

bagi pemeriksaan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang dinyatakan olehnya apa-apa buku dan dokumen sebagaimana yang dikehendaki disenggarakan olehnya bagi maksud Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

(5) Mana-mana inspektor yang memasuki mana-mana premis atau tempat dalam menjalankan kuasa yang diberikan oleh Akta ini hendaklah mengemukakan bagi pemeriksaan orang yang bertanggungjawab bagi premis atau tempat itu, atau, semasa ketiadaannya, kepada ejen orang itu, pembedarannya bagi kemasukan sedemikian. Apa-apa pembedaran sedemikian hendaklah dilekatkan dengan suatu fotograf inspektor yang kepadanya ia dikeluarkan.

(6) Mana-mana orang yang dengan sengaja menghalang atau menggalang mana-mana inspektor menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

Pelantikan jawatankuasa

22. Lembaga boleh melantik apa-apa jawatankuasa bagi menjalankan mana-mana tujuan Akta ini sebagaimana yang difikirkannya perlu dan boleh mewakili mana-mana kuasanya kepada mana-mana jawatankuasa itu.

Pekhidmat awam

22A. Semua anggota, pegawai dan pekhidmat Lembaga hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Pembatalan pendaftaran

23. (1) Jika ternyata kepada Lembaga bahawa mana-mana orang yang didaftarkan sewajarnya di bawah Akta ini selain sebagai seorang pekebum telah melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, Lembaga boleh memanggil orang itu mengikut cara yang ditetapkan untuk menunjukkan sebab mengapa pendaftaran dan

perakuan atau perakuan-perakuan yang dikeluarkan menurutnya tidak patut dibatalkan.

(2) Mana-mana orang yang dipanggil untuk menunjukkan sebab di bawah subseksyen (1)—

- (a) hendaklah dibekalkan oleh Lembaga dengan butir-butir, secara bertulis, tentang pelanggaran atau ketidakpatuhan yang diadakan itu; dan
- (b) boleh, jika dia berhasrat demikian, hadir atau diwakili oleh mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya secara bertulis pada pendengaran oleh Lembaga.

(3) Jika selepas pendengaran sedemikian Lembaga berpendapat bahawa orang yang dipanggil untuk menunjukkan sebab telah melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Lembaga boleh—

- (a) membatalkan pendaftarannya dan mana-mana perakuan atau perakuan-perakuan yang dikeluarkan menurutnya, dan melarang pendaftaran semulanya bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;
- (b) mengenakan suatu denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dalam hal seseorang pengetin berdaftar, pembekal tin berdaftar, pengeksport berdaftar, pengangkut berdaftar atau penjual berdaftar yang denda itu boleh didapatkan kembali oleh Lembaga mengikut cara yang diperuntukkan bagi mendapatkan kembali suatu hutang sivil dan hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang;
- (c) memerintah supaya orang itu membayar kepada Lembaga suatu jumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit untuk meliputi kos yang dilakukan oleh Lembaga akibat daripada pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya yang boleh didapatkan kembali oleh Lembaga mengikut cara yang diperuntukkan bagi mendapatkan kembali suatu hutang sivil dan hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang.

(4) Tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya Lembaga boleh mengawal selia tatacaranya sendiri pada mana-mana pendengaran sedemikian dan tidak terikat oleh mana-mana undang-undang atau kaedah amalan berhubungan dengan kebolehterimaan keterangan.

(5) Lembaga hendaklah menyimpan secara bertulis suatu rekod tentang prosidingnya dan tentang segala keterangan yang diterima olehnya dan keputusan jawatankuasa eksekutif hendaklah direkodkan secara bertulis.

Tribunal Rayuan

24. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Tribunal Rayuan yang hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi, yang hendaklah seseorang yang berkelayakan untuk dilantik sebagai seorang hakim Mahkamah Tinggi, dan dua orang lain, yang bukan anggota Lembaga, yang kesemuanya hendaklah dilantik oleh Menteri.

(2) Tribunal boleh membuat kaedah-kaedah mengawal fi yang kena dibayar dan tatacara yang hendak diikuti atas rayuan. Mana-mana fi sedemikian hendaklah kena dibayar kepada Lembaga.

(3) Mana-mana orang yang terkilan oleh sesuatu keputusan Lembaga yang diberi di bawah seksyen 12 atau seksyen 19 atau subseksyen 23(3) boleh merayu kepada Tribunal yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(4) Notis secara bertulis tentang rayuan itu bersama dengan alasannya hendaklah diberi kepada Tribunal dalam masa empat belas hari dari masa penerimaan oleh orang yang terkilan itu akan keputusan Lembaga. Tiap-tiap notis yang diberi kepada Tribunal di bawah subseksyen ini hendaklah dihantar ke sesuatu alamat di Malaysia sebagaimana yang ditetapkan oleh Tribunal Rayuan.

(5) Pelaksanaan mana-mana keputusan Lembaga yang diberi di bawah subseksyen 23 (3) hendaklah digantung sementara menunggu habisnya tempoh yang di dalamnya notis rayuan boleh diberi atau, jika suatu notis rayuan adalah diberi, keputusan mengenai rayuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Pihak merayu boleh, jika dia berhasrat demikian, hadir pada pendengaran rayuannya dan boleh didengar, sama ada dengan sendiri atau melalui seseorang yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu.

(7) Selepas pendengaran sesuatu rayuan daripada sesuatu keputusan di bawah subseksyen 23(3), Tribunal boleh membenarkan rayuan itu atau mengesahkan atau mengubah keputusan Lembaga dalam had yang dinyatakan dalam subseksyen itu, dan selepas pendengaran sesuatu rayuan daripada sesuatu keputusan Lembaga, Tribunal boleh mengesahkan keputusan Lembaga atau membuat sesuatu perintah tentang pendaftaran atau penetapan sesuatu persatuan sebagaimana yang dikehendaki dalam hal itu. Apa-apa keputusan Tribunal adalah muktamad dan konklusif dan boleh dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seperti sesuatu keputusan Lembaga. Tiap-tiap pendengaran sedemikian hendaklah diadakan di Malaysia.

(8) Tribunal boleh mengawal selia tatacaranya sendiri pada pendengaran mana-mana rayuan sedemikian dan tidak terikat oleh mana-mana undang-undang atau kaedah amalan berhubungan dengan kebolehterimaan keterangan.

(9) Tribunal boleh menurut budi bicaranya dari semasa ke semasa melanjutkan tempoh yang ditetapkan bagi pemberian sesuatu notis rayuan.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

25. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan maksud Akta ini.

(2) Secara khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan yang terdahulu, peraturan-peraturan itu boleh—

- (a) menetapkan borang dan masa permohonan, butir-butir yang hendak dibekalkan dan fi yang hendak dibayar bagi pendaftaran sebagai pekebun, pengetin, kilang mengetin, pengeksport, pembekal tin, pertubuhan pemasaran, pengangkut atau penjual dan tempoh yang baginya pendaftaran tersebut hendaklah terpakai;

- (b) menghendaki semua pengetin, pengeksport, pembekal tin, pertubuhan pemasaran, pengangkut dan penjual yang memohon bagi pendaftaran menjadi, sebelum atau selepas pendaftaran, anggota mana-mana persatuan perwakilan yang difikirkan sesuai oleh Lembaga;
- (c) menetapkan kehendak minimum bagi tapak, susun atur, pembinaan, loji, mesin dan kebersihan sesuatu kilang mengetin berdaftar dan bekalan air kepadanya;
- (d) menetapkan takat dan kaedah-kaedah minimum bagi penggemburan nanas oleh seseorang pengetin berdaftar atau seseorang pekebun berdaftar, termasuk penggunaan, kawalan dan pembahagian baja dan kimia lain, penjalanan penanaman semula dengan bahan-bahan penanaman p buahian tinggi dengan cara yang lengkap dan sistematik, dan pemodenan penggemburan nanas dengan tujuan untuk memperbaiki kesejahteraan ekonomi pekebun berdaftar;
- (da) mengawal selia penjalanan semua perkara berhubungan dengan kegiatan pengangkut berdaftar dan penjual berdaftar yang berkenaan dengan industri nanas;
- (e) menetapkan personel perubatan yang hendak diguna khidmat di kilang mengetin berdaftar dan kelengkapan dan stor yang hendak dibekalkan;
- (f) menetapkan kemudahan penginapan, membasuh, mandi, tandas, makan, rekreasi dan apa-apa kemudahan lain yang hendak dibekalkan oleh pengetin berdaftar bagi faedah pekerja mereka;
- (g) melarang pengeksportan mana-mana gred, kualiti atau jenis nanas bertin sama ada secara mutlak atau ke mana-mana destinasi tertentu dan menetapkan kaedah pelupusan mana-mana nanas bertin yang diputuskan olehnya sebagai tidak sesuai bagi pengeksportan atau bagi jualan di dalam Malaysia;
- (h) menetapkan kaedah dan nisbah kepada pengeluaran atau pengeksportan yang melaluinya sampel percuma boleh

diambil bagi maksud menyemak pematuhan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;

- (i) menetapkan cara dan kekerapan yang dengannya pekerja di mana-mana kilang mengetin berdaftar hendaklah dikenakan pemeriksaan perubatan dan borang yang di dalamnya pemeriksaan sedemikian hendaklah diperakui dan melarang mana-mana orang yang tidak diperakui secara perubatan sebagai sesuai bagi pekerjaan itu bekerja di premis mana-mana kilang mengetin berdaftar;
- (j) menetapkan kegunaan perakuan keasalan bagi nanas bertin;
- (k) menetapkan jenis dan reka bentuk kontena yang di dalamnya tin kosong, hujung tin, nanas dan tin berisi nanas boleh dibungkus dan diangkut ke atau dari kilang mengetin berdaftar dan gudang pengeksporth berdaftar;
- (l) menghendaki penambahan apa-apa maklumat dan perakuan, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga, kepada perisytiharan yang dibuat oleh seseorang pengeksporth sebagai mematuhi Akta Kastam 1968 [*Akta 235*];
- (m) menghendaki pengeksporth berdaftar supaya menyimpan buku akaun mengikut apa-apa bentuk yang ternyata kepada Lembaga adalah diinginkan dan supaya menyimpan salinan dokumen yang memperlakukan transaksi mengenai nanas bertin;
- (n) menetapkan standard bagi pengeluaran, penggredan dan cara memperihalkan, menandakan dan melabelkan nanas bertin dan kaedah-kaedah pemeriksaan dan pemerakuan atau pendaftarannya;
- (o) menetapkan dimensi, bahan-bahan dan kaedah-kaedah yang standard bagi pembentukan tin yang hendak digunakan bagi pengetinan nanas dan melarang pembelian sedemikian daripada mana-mana orang melainkan seseorang pembekal tin berdaftar;

- (p) menetapkan destinasi yang kepadanya nanas bertin boleh dieksport di bawah mana-mana label tertentu;
- (q) menetapkan maklumat berkenaan dengan pengeluaran, jualan dan eksport yang hendaklah diberi dan kaedah-kaedah yang hendaklah digunakan untuk menunjukkan maklumat sedemikian oleh mana-mana pengetin berdaftar, pengeksport berdaftar, pembekal tin berdaftar atau pertubuhan pemasaran berdaftar dan bentuk penyata yang hendak dibuat oleh anggota pertubuhan pemasaran berdaftar;
- (r) menetapkan kaedah-kaedah bagi penetapan harga yang hendak dibayar kepada pekebun oleh pengetin berdaftar dan penetapan kuota nanas pekebun yang hendak dibeli oleh pengetin berdaftar dan boleh memaksa pengetin berdaftar supaya membeli kuota tersebut pada masa pengeluaran berlebihan;
- (s) menetapkan standard minimum bagi nanas yang boleh diterima oleh mana-mana kilang mengetin berdaftar atau yang boleh digunakan bagi mana-mana jenis atau gred nanas bertin;
- (t) menetapkan syarat dan terma perkhidmatan bagi, dan gaji, elaun perjalanan dan elaun sara diri yang kena dibayar kepada, Pengerusi Lembaga dan elaun perjalanan dan elaun lain yang kena dibayar kepada anggota Lembaga, dan mengawal selia tatacara Lembaga, dan jawatankuasa yang dilantik di bawah Akta ini;
- (u) menetapkan, melarang atau menghendaki apa-apa jua yang difikirkan perlu oleh Lembaga untuk menjalankan tujuan Akta ini;
- (v) menetapkan sesuatu penalti yang tidak melebihi lima ribu ringgit bagi pelanggaran mana-mana peruntukannya.

(3) (*Dipotong oleh Akta A391*).

Pemansuhan

26. Ordinan Perindustrian Nanas 1951 adalah dengan ini dimansuhkan:

Dengan syarat bahawa Majlis Perindustrian Bersama Nanas yang ditubuhkan di bawah Ordinan yang dengan ini dimansuhkan itu hendaklah walaupun pemansuhan tersebut terus wujud hanya selama mana yang perlu bagi Majlis tersebut melepaskan liabilitinya (jika ada) dan memindahkan fungsinya kepada Lembaga.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA 427

AKTA PERINDUSTRIAN NANAS

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk Ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (SB) 117/1957	Perintah Undang-Undang Belum Berkuatkuasa (Pengesahan) (No. 2) 1957	15-12-1957
Ord. 39/1958	Ordinan Perindustrian Nanas (Pindaan) 1958	01-11-1958
Ord. 4/1959	Ordinan Perindustrian Nanas (Pindaan) 1959	01-02-1960
Akta 1/1961	Akta Perindustrian Nanas (Pindaan) 1961	15-01-1961
Akta 29/1964	Akta Perindustrian Nanas (Pindaan) 1964	30-07-1964
Akta 5/1966	Akta Perindustrian Nanas (Pindaan) 1966	27-01-1966
Akta A136	Akta Perindustrian Nanas (Pindaan) 1972	07-07-1972
Akta A391	Akta Perindustrian Nanas (Pindaan) 1977	15-04-1977
Akta A693	Akta Perindustrian Nanas (Pindaan) 1988	20-04-1988

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA 427

AKTA PERINDUSTRIAN NANAS

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta 1/1961 Akta 5/1966 Akta A136 Akta A391 Akta A693	15-01-1961 27-01-1966 07-07-1972 15-04-1977 20-04-1988
3	L.N. (NS) 117/1957 Ord. 39/1958 Akta 1/1961 Akta A136 Akta A391 Akta A693	15-12-1957 01-11-1958 15-01-1961 07-07-1972 15-04-1977 20-04-1988
4	Ord. 39/1958	01-11-1958
5	Akta 1/1961	15-01-1961
7	L.N. (NS) 117/1957 Ord. 4/1959 Akta 1/1961 Akta A136 Akta A391 Akta A693	15-12-1957 01-02-1960 15-01-1961 07-07-1972 15-04-1977 20-04-1988
8	Ord. 4/1959	01-02-1960
8A	Akta A693	20-04-1988
8B	Akta A693	20-04-1988
10	Akta 1/1961 Akta A693	15-01-1961 20-04-1988
10A	Akta A693	20-04-1988
10B	Akta A693	20-04-1988

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
11	Akta 5/1966 Akta A391	27-01-1966 15-04-1977
14	Akta 5/1966 Akta A391	27-01-1966 15-04-1977
20	Akta 29/1964 Akta A391	30-07-1964 15-04-1977
21	Akta A391	15-04-1977
22	Ord. 39/1958 Akta 1/1961	01-11-1958 15-01-1961
22A	Akta A391	15-04-1977
23	Akta 1/1961 Akta A391	15-01-1961 15-04-1977
24	L.N. (NS) 117/1957 Akta 1/1961 Akta A391	15-12-1957 15-01-1961 15-04-1977
25	L.N. (NS) 117/1957 Ord. 39/1958 Akta 1/1961 Akta 29/1964 Akta A391	15-12-1957 01-11-1958 15-01-1961 30-07-1964 15-04-1977
